

TURBUKAN 'PERUBING'

Bagi mewujudkan hubungan baik antara majikan dan pekerja

KUALA LUMPUR, Sabtu — Semua ketua-ketua jabatan dan Kementerian telah diarah supaya mewujudkan satu sistem perunding bagi membincang dan menyelesaikan masalah kakitangan mereka. Demikian Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, mengumumkan.

Sistem perunding yang lebih bersifat mahlis musyawarah itu, bertujuan mewujudkan suasana hubungan baik di antara ketua dan kakitangannya atau majikan dengan pekerjanya.

Menurut Datuk Musa, arahan itu telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kepada semua pihak dan diharapkan memberi kesan yang baik.

Berucap merasmikan simposium anjuran Cuepac mengenai Hari Pekerja 1982, Datuk Musa mahlis musyawarah itu bukanlah bertujuan menjadi medan konfrontasi, tetapi untuk menyelesaikan masalah secara bermufakat.

"Lebih baik lagi sistem perunding atau musyawarah itu dijalankan secara tidak terhenti kerana perbincangan bebas antara pegawai dan kakitangannya dapat berjalan dalam suasana tenteram," tambah beliau.

Difahamkan, arahan

"Saya berharap sikap bersih, cekap dan amanah itu direstapi oleh semua lapisan rakyat dan pentadbiran kerajaan supaya kita semua dapat menjalankan tugas dengan sempurna"

Oleh **AHMAD NAZRI ABDULLAH**

tersebut ada kaitannya dengan hasrat Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah.

"Saya berharap sikap Bersih, Cekap dan Ama-

nah itu direstapi oleh semua lapisan rakyat dan pentadbiran Kerajaan supaya kita semua dapat menjalankan tugas dengan sempurna," ujarnya.

Di peringkat pengantar politik, timahanya, Kerajaan berazam bekerja lebih kuat, cekap, bersih dan amanah bagi memberi perkhidmatan yang sempurna kepada rakyat.

"Kami tidak akan leka atau berkhayal selepas kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihannya lalu kerana kami sedar harapan rakyat jelata terhadap kami, terlalu tinggi.

"Kemenangan pilihannya adalah asas untuk memulakan khidmat kepada rakyat. Bagi saya, kemenangan besar itu menunjukkan harapan rakyat sangat tinggi bincangkan kami insaf betapa perlunya kami bekerja lebih kuat lagi," terangnya.

Bagaimanapun, tegas beliau, sikap bekerja lebih kuat, bersih, cekap dan amanah ini adalah tanggungjawab semua.



Rambut dalam perut

NEW DELHI, Sabtu — Biasanya, hanya pesakit otak sahaja yang suka memבחan rambut. Tetapi, mengapakah Harpaul Kaur, gadis berusia 14 tahun, yang sihat otaknya, sanggup memakan sejumlah rambut?

Sejak setahun lalu, Harpaul sering mengadu perutnya sakit. Apabila pemeriksaan dibuat, doktor

mendapati dalam perutnya ada sejumlah rambut manusia.

Harpaul memang gadis yang dikatakan sangat gemar mencabut dan menelan rambutnya sendiri.

Setelah dibedah, doktor berjaya mengeluarkan rambut itu. Harpaul sedar dan menyaksikan sendiri pembedahannya itu.

Takziah untuk keluarga Woo

KUALA LUMPUR, Sabtu — Yang di-Pertuan Agong berkenan mengirim telegram ucapan takziah kepada keluarga Detektif Konstabel Woo Kim Peng, melalui Ketua Polis Wilayah Persekutuan, Datuk Abdul Kudus Alias.

Baginda bertitah: "Saya dan Raja Per-

maisuri Agong mengucapkan takziah atas kemangkatan Detektif Konstabel Woo Kim Peng di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Sampailah ucapan takziah ini kepada isteri dan keluarga Woo dan berharap mereka dapat berhadapan dengan kehilangan ahli keluarga yang

dikasihni.

Kegagahan dan keberanian Woo akan tetap menjadi kenangan dan tauladan yang baik kepada kakitangan sejawatnya."

Mendiang Detektif Konstabel Woo mati ditembak oleh lelaki bersenjata ketika cuba meletakkan pertengahan di sebuah hotel, baru-baru ini.

